

Pengguna Malaysia dijangka mengubah suai corak perbelanjaan mereka tahun ini



URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

JIKA anda seorang pelabur di pasaran saham, sudah tentu anda sudah mula berkira-kira apakah strategi pelaburan yang akan diambil tahun ini.

Ekonomi semasa yang lemah tentunya menjadi faktor yang diambil kira dalam merangka strategi pelaburan di bursa saham tempatan yang masih dalam keadaan tidak menentu dan tidak mempunyai hala tuju

yang jelas.

Apakah pula idea pelaburan yang perlu dipertimbangkan tahun ini?

Mengikut OSK Research dalam kaji selidik mengenai strategi pelaburan bagi 2009, pelabur perlu mengambil idea pelaburan daripada corak perbelanjaan pengguna tahun ini.

Pasukan penyelidikan pasaran saham di OSK Research berkata, pengguna Malaysia dijangka mengubah suai corak perbelanjaan mereka tahun ini bagi menghadapi kemelesetan

ekonomi, yang kelihatan seperti tidak dapat dielakkan.

Berikutan itu, penganalisis pasaran saham berkata, pengguna akan mengurangkan perbelanjaan ke atas barangan mewah yang diimport atau tidak berbelanja untuk percutian yang mahal.


Berikutan itu, syarikat pengeluar makanan utama, penyedia penerangan domestik dan pengeluar pakaian tempatan dijangka mendapat manfaat daripada perubahan corak perbelanjaan pengguna itu.



KEADAAN ekonomi yang kurang cergas menyebabkan pengguna mengutamakan perbelanjaan ke atas makanan berbanding bagi tujuan lain.

Strategi pelaburan

B.H 06/10/09 M/S 23



OSK Research mencadangkan pelabur di bursa saham tempatan memilih kaunter berasaskan barangan pengguna.

Selain itu, pengeluar kereta mampu milik dan syarikat yang ada kaitan dengan percutian domestik juga dijangka mendapat manfaat daripada pengurangan perbelanjaan pengguna.

Antara syarikat berkenaan termasuk AirAsia yang menyediakan penerbangan kos rendah; Media Prima yang mengendalikannya stesen televisyen percuma; PadiBeras (pembekal beras utama); Plus; Proton dan Resorts World yang menyediakan percutian domestik.

"Justeru, pelabur dinasihatkan memberi perhatian kepada saham syarikat daripada kategori ini," katanya.

Bagaimanapun OSK Research berkata, pelaburan dalam saham syarikat berkenaan adalah untuk strategi pelaburan jangka sederhana dan tidak sesuai sama sekali dalam suasana pasaran yang tidak menentu seperti sekarang.

"Kami menasihatkan pelabur memerhatikan saham syarikat ini dengan teliti dan melihat harga yang sesuai untuk membeli dalam tempoh suku pertama ini apabila pasaran mulai stabil," katanya.

Dari segi keadaan ekonomi secara menyeluruh pula, OSK Research berkata, meskipun keadaan di pasaran saham tempatan yang lemah menun-

jukkan ia sudah menerima kesan daripada krisis kewangan di Amerika Syarikat dan kemelesetan global, impak daripada faktor itu ke atas orang ramai belum dirasai.

"Kami percaya kesan sebenar hanya akan dirasai bulan ini apabila pengeksport tempatan mula merasakan pengurangan permintaan daripada pasaran antarabangsa," katanya.

Berikutan kelembapan ekonomi itu, katanya, akan berlaku perubahan dalam corak perbelanjaan pengguna apabila kuasa membeli pengguna kini menjadi semakin lemah.

Pengurangan kuasa beli juga disebabkan sama ada

kesan daripada inflasi yang tinggi pada suku ketiga tahun lalu atau berikutan pengurangan dalam pendapatan yang diterima yang dijangkakan dirasai pada separuh pertama tahun ini.

Secara purata, rakyat Malaysia akan mengurangkan perbelanjaan ke atas percutian, hiburan, produk komputer dan yang berkaitan dengannya.

"Pembelian makanan akan menjadi keutamaan manakala perbelanjaan ke atas tujuan rekreasi, makan di restoran dan hotel akan dikurangkan tahun ini," katanya.

OSK Research menambah, keutamaan perbe-

2009



KEADAAN ekonomi kurang cergas menyebabkan pengguna beralih menggunakan penerbangan tambang murah.

“Kami percaya kesan sebenar hanya akan dirasai bulan ini apabila pengeksport tempatan mula merasakan pengurangan permintaan daripada pasaran antarabangsa”

Pasukan penyelidikan pasaran saham di OSK Research


lanjaan pengguna tahun depan antara penduduk bandar dan penduduk desa juga tidak banyak berbeza.

“Apa yang kelihatan adalah keutamaan perbelanjaan penduduk bandar tahun ini kian menyamai corak perbelanjaan penduduk di kampung iaitu semakin mengutamakan pembelian makanan,” kata OSK Research.

FAKTA

Keutamaan perbelanjaan pengguna 2009

Penduduk bandar



Penduduk desa

